



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, CHIKUNGUNYA DAN ZIKA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 5/2018 dari 28 Januari hingga 3 Februari 2018)

Kes Demam Denggi menunjukkan penurunan selama dua (2) minggu sejak penghujung Januari. Pada minggu ke-5 tahun 2018 iaitu dari 28 Januari hingga 3 Februari 2018, sejumlah 1,066 kes Demam Denggi telah dilaporkan, menurun sebanyak enam (6) kes (0.6%) berbanding 1,072 kes pada minggu ke-4 tahun 2018. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan sehingga 3 Februari 2018, ialah sebanyak 5,476 kes berbanding 9,000 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 3,524 kes (39.2%).

Namun demikian, terdapat lima (5) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Johor 29 kes, Pulau Pinang lapan (8) kes, Kedah enam (6) kes, Kelantan lima (5) kes, dan Terengganu dua (2) kes. Dua (2) kes kematian turut dilaporkan sepanjang minggu ke-5, di mana jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 13 kematian, berbanding 22 kematian dilaporkan pada tahun 2017 bagi tempoh yang sama, pengurangan sebanyak sembilan (9) kes (40.9%).

Sehingga 3 Februari 2018, sejumlah 364 lokaliti wabak Demam Denggi masih aktif dilaporkan termasuk 29 lokaliti hotspot semasa yang direkodkan melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 21 lokaliti di Selangor, tiga (3) di Sabah,

dua (2) lokaliti di Johor, dua (2) lokaliti di Perak dan satu (1) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga telah menerima sebanyak enam (6) kes Chikungunya sepanjang minggu ke-5. Jumlah kumulatif kes Chikungunya untuk tahun 2018 sehingga 3 Februari adalah sebanyak 34 kes iaitu 31 kes dari Kelantan, masing-masing satu (1) dari Selangor, Sabah dan Perlis.


Pemantauan sistem surveilan virus Zika sehingga 3 Februari 2018 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), mendapati keputusan ujian bagi 139 sampel darah di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pergerakan orang ramai secara meluas semasa musim perayaan Tahun Baru Cina kelak boleh menyebabkan jangkitan Demam Denggi lebih cepat merebak jika terdapat nyamuk Aedes di persekitaran mereka. Sehubungan itu, KKM menasihatkan masyarakat untuk melakukan aktiviti pencegahan seperti berikut;

1. Memastikan tiada bekas atau tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk Aedes di kawasan kediaman masing-masing semasa pulang bercuti.
2. Memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air kekal terutama apabila tidak menggunakannya lebih dari tempoh seminggu.
3. Menggunakan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah.

4. Menggunakan bahan penghalau nyamuk (repelen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk, terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit (5–7 pagi dan 5–7 petang).
5. Elakkan daripada pergi ke kawasan wabak Denggi atau hotpsot. Infomasi ini boleh didapati daripada aplikasi iDengue.
6. Sekiranya ada di kalangan masyarakat yang mengalami gejala Demam Denggi, dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital yang berhampiran.

Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.



DATO' DR. HJ. AZMAN BIN ABU BAKAR
(MMC: 25629)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

08 Februari 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 5/2018
(28 Januari hingga 3 Februari 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 5/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 5/2017	
		Minggu 5/2018 (28 Jan – 3 Feb 2018)		Minggu 4/2018 (21 – 27 Jan 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	9	0	27	0	12	0
2	Kedah	24	0	18	0	119	1	145	1
3	P. Pinang	63	0	55	0	387	0	214	2
4	Perak	65	0	73	1	295	1	673	3
5	Selangor	561	1	562	1	2,760	5	4,831	5
6	WP KL & Putrajaya	55	0	85	1	421	2	726	6
7	N. Sembilan	24	0	25	0	106	0	341	2
8	Melaka	15	0	20	0	69	0	219	0
9	Johor	127	0	98	0	635	1	636	2
10	Pahang	15	0	17	0	91	0	286	0
11	Terengganu	4	0	2	0	15	0	36	0
12	Kelantan	22	0	17	0	106	0	444	0
13	Sarawak	11	0	13	0	64	0	203	0
14	Sabah	77	1	78	1	380	3	234	1
15	WP Labuan	0	0	0	0	1	0	0	0
	MALAYSIA	1,066	2	1,072	4	5,476	13	9,000	22

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 5/2018
(28 Januari hingga 3 Februari 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	22	83
2	P PINANG	Timur Laut	Taman Terubong Indah	17	81
3	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	14	70
4	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Taman Impian Ehsan	22	67
5	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Pulai Utama_Flat Taman Pulai Utama	23	62
6	JOHOR	Johor Bharu	Perjiranan 9_Tmn Air Biru	16	57
7	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 4 (Jln 18/47- 18/58)	11	55
8	SABAH	Tawau	Ju44 Kampung Baru Pasir Putih	18	54
9	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat E : Blok 32 - 36)	12	48
10	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 5	18	46
11	SABAH	Kota Kinabalu	Putera Jaya Telipok	29	45
12	WPKL	Titiwangsa	Desa Setiawira (Blok A - Blok F)	12	41

13	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Delima Zon 3	10	41
14	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Setia Balakong 2	7	40
15	SELANGOR	Klang	Taman Melawati Bukit Kapar (Jln Imam Abd Aziz 7)	18	40
16	SELANGOR	Gombak	Appt Desa 1	23	39
17	SELANGOR	Klang	B.B.R Pangsapuri Rebana	10	39
18	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	7	38
19	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2)	11	38
20	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 1 : Blok A, B, C	7	38
21	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Jln 18/3 Flat A : Blok 2 -10)	10	37
22	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt Seri Ros 1 Bs	11	37
23	SABAH	Tawau	Jk03 Tmn. Semarak Flat & Lrg Sawit	10	35
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen U17 (Kg Kubu Gajah : Jln Gajah 23)	6	35
25	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Putri Up	13	34
26	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Sari Zon 2	15	34
27	P PINANG	Barat Daya	Desa Jelita	14	33
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Hijauan : Blok 9 - 12)	7	31
29	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	5	31